

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap kes-kes tertunggak di Mahkamah Perusahaan yang melebihi 24 bulan.**

**PR-1323-T64283**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Mahkamah Perusahaan mendengar kes-kes pembuangan kerja dan kes-kes pertikaian perusahaan yang dirujuk oleh YB Menteri Sumber Manusia. Mahkamah Perusahaan sememangnya senantiasa memberi keutamaan untuk menyelesaikan kes-kes tertunggak mengikut usia kes.

2. Sehingga 31 Ogos 2014 sebanyak 1955 kes yang masih dalam kendalian. Daripada jumlah tersebut hanya 380 kes (19.4%) merupakan kes yang telah dirujuk melebihi 24 bulan. Pecahan butiran mengenai kes-kes yang tertunggak melebihi 24 bulan adalah seperti dijadual 1.

Jadual 1: Kes-kes tertunggak melebihi 24 bulan

BUTIRAN	JUMLAH KES YANG MELEBIHI 24 BULAN (SEHINGGA 31.8.2014)
Menunggu Bicara	180
Menunggu Keputusan	147
Menunggu Hujahan	49
Prosiding 'Certiorari'	4
<b>Baki Kes Keseluruhan</b>	<b>380</b>

Tuan Yang Di Pertua,

3. Mahkamah Perusahaan telah mengambil langkah-langkah pro-aktif bagi mempercepatkan penyelesaian kes penyelesaian kes-kes tersebut dengan menggunakan langkah-langkah seperti berikut:

- a. Menggunakan pendekatan *Alternatif Dispute Resolution (ADR)* melalui kaedah Perantaraan (Mediation) atau Penilaian Awal (*Early Evaluation*) untuk mempercepatkan penyelesaian kes.
  - b. Memudahkan prosedur perbicaraan dengan memperkenalkan pemfailan pernyataan saksi sebelum perbicaraan. Ini adalah bertujuan untuk menjimatkan masa semasa perbicaraan di Mahkamah.
  - c. Tidak membenarkan permohonan daripada peguam untuk menangguhkan perbicaraan kes kerana sesuatu sebab atau alasan melainkan dengan sebab atau alasan yang munasabah dan tidak dapat dielakkan seperti cuti sakit dan kecemasan.
  - d. Membangunkan 11 buah Mahkamah Teknologi iaitu yang menggunakan teknologi sistem perekodan digital. Perekodan perbicaraan secara digital dapat mempercepatkan proses perbicaraan sesuatu kes. Sistem ePemfailan dan ePenyerahan juga telah dilaksanakan pada 1 Julai 2014.
4. Mahkamah Perusahaan dari masa ke semasa akan berusaha untuk mengatasi segala masalah ini dan akan memastikan semua kes pertikaian yang dirujuk dapat diselesaikan secepat mungkin dan seadil-adilnya.